



## Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak: Persepsi komuniti lokal

Nadiah Abdul Halim<sup>1</sup>, Er Ah Choy<sup>1</sup>, Jumaat H Adam<sup>2</sup>, Mohd Afiq Aizat Juhari<sup>2</sup>,  
 Siti Norhafizah Ahmad Tarmidzi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, <sup>2</sup>Pusat Penyelidikan Bukit Fraser, Fakulti Sains & Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Correspondence: Er Ah Choy ([ever@ukm.my](mailto:ever@ukm.my))

### Abstrak

Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada ekonomi negara dan pembangunan setempat. Pembangunan pelancongan di sesebuah kawasan memberikan impak positif terhadap komuniti lokal itu sendiri menerusi penglibatan secara langsung dan tidak langsung iaitu dapat meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan masyarakat. Justeru itu, pengenalpastian potensi pelancongan di sesebuah kawasan dapat membantu mewujudkan pelbagai peluang pembangunan menerusi industri pelancongan di kawasan tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi komuniti lokal Melanau mengenai potensi pelancongan di kawasan Matu-Daro, Sarawak. Kaedah tinjauan melalui temubual berdasarkan satu set kaji selidik terhadap 150 orang responden di daerah Matu-Daro. Hasil kajian mendapati tiga jenis pelancongan yang berpotensi di perembangkan iaitu pelancongan warisan dan kebudayaan, agro-pelancongan dan ekopelancongan. Potensi pelancongan warisan dan kebudayaan boleh diperkembangkan dengan adanya Rumah Panjang Melanau Islam yang tertua di dunia, Makam Orang Kaya Segunim, dan Pesta Kaul. Seterusnya agro-pelancongan menerusi pengusahaan pembuatan sago dan penanaman padi yang dijalankan secara tradisional. Ekopelancongan juga boleh diketengahkan iaitu keunikan kawasan hutan paya bakau dan menyelami nilai estetika di Sungai Rajang. Secara kesimpulannya, Daerah Matu-Daro mempunyai potensi untuk dikomersilkan menerusi sektor pelancongan.

**Katakunci:** agro-pelancongan, ekopelancongan, kesejahteraan, komuniti lokal, pelancongan, pelancongan warisan

## Local tourism potentials as perceived by the local community: The case of Matu Daro, Sarawak

### Abstract

The tourism industry contributes to the national economy and local development. It also gives, through direct and indirect involvement, positive impact on the local community itself by improving its quality of life and well-being. Hence, the rationale for the identification of the tourism potential in a locality. This paper gauges the tourism potential of Matu-Daro, Sarawak as perceived by the local community based on the findings of a field survey. The study identified three main areas of tourism potential, namely, cultural and heritage tourism, agro-tourism and ecotourism. The oldest Melanau Longhouse in the world, Tomb of the Orang Kaya Segunim and *Pesta Kaul* would be the main cultural and heritage tourist attraction while the production of traditional sago, and traditional rice cultivation would be the anchor of agro-tourism. The main ecotourism attractions would revolve around the unique local mangrove forests and the aesthetic Rajang River. In conclusion, as perceived by the local community the Matu-Daro District has real commercial development potentials through the tourism sector.

**Keywords:** agro-tourism, ecotourism, community local, heritage tourism, tourism, welfare

## Pengenalan

Perkembangan industri pelancongan bukan sahaja berlaku di negara luar malahan Malaysia juga merupakan negara yang membangun menerusi aspek pelancongan. Malaysia mempunyai pelbagai produk pelancongan yang terkenal seperti kawasan pulau, pantai, sungai, budaya dan warisan. Antaranya seperti Bukit Tinggi Genting, Pulau Tioman, dan Taman Negara Endau Rompin yang memberikan penawaran kepada pelancong sama ada dalam dan luar negara. Sektor pelancongan dapat memperkenalkan budaya Malaysia yang unik kepada dunia luar. Kepelbagaian kaum di Malaysia mewujudkan kepelbagaian adat, budaya dan makanan yang mampu menjadi tarikan pelancong asing dan tempatan berkunjung ke Malaysia. Perkembangan industri pelancongan juga dilihat memberikan impak yang positif dari sudut pembangunan ekonomi, sosial dan fizikal terutamanya kepada komuniti lokal. Terdapat banyak lagi kawasan di Malaysia yang mempunyai potensi untuk dibangun sebagai kawasan pelancongan negara. Daerah Matu-Daro merupakan salah satu kawasan yang berpotensi untuk dibangun melalui industri pelancongan dengan kepelbagaian penawaran pelancongan. Maka kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti potensi pelancongan bagi Daerah Matu-Daro menurut persepsi komuniti lokal demi pembangunan komuniti lokal. Kajian ini merupakan kajian awal yang dijalankan dalam mengenalpasti potensi pelancongan di daerah Matu-Daro.

## Pelancongan, jenis pelancongan dan komuniti

Industri pelancongan di negara telah bermula secara serius sejak tahun 1970an lagi. Penubuhan Perbadanan Pelancongan Malaysia (TDC) pada Ogos 1972, sebagai sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan untuk memajukan sektor pelancongan dan rekreasi negara serta Persidangan Kesatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) telah membuka laluan yang lebih luas kepada industri pelancongan di negara ini (Jamaluddin, 2009). Pada masa kini, industri ini dianggarkan menyumbang sebanyak RM83 bilion kepada negara. Sektor pelancongan dijangka menyumbang RM168 bilion kepada negara menjelang 2020 berdasarkan pembangunan produk baharu dan promosi intensif. Wanda et al. (2009), ada menyatakan bahawa '*Tourism is portrayed as a mechanism for growth in rural areas in that it speaks to the need to generate employment and growth opportunities in the face of rural change and economic restructuring*'. Maka, dengan wujudnya industri pelancongan di sesebuah kawasan, dapat meningkatkan peluang pembangunan setempat terutamanya kawasan pedalaman. Terdapat pelbagai jenis pelancongan seperti ekopelancongan, agro-pelancongan dan program inap desa, pelancongan warisan dan kebudayaan, pelancongan sukan dan rekreasi serta pelancongan pendidikan dan kesihatan (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010). Bagi kajian ini, perbincangan lebih terarah kepada tiga jenis pelancongan yang berjaya dikenalpasti di kawasan kajian iaitu pelancongan warisan dan kebudayaan, agro-pelancongan serta ekopelancongan.

Silberberg (1995) telah menjelaskan bahawa pelancongan kebudayaan lazimnya menyumbang kepada faedah ekonomi yang signifikan kepada muzium dan tempat warisan yang lain. Zeppel dan Hall (1992) pula menyatakan pelancongan berasaskan warisan ialah idea yang tercetus daripada emosi yang berbeza, termasuklah nostalgia, romantisme dan rasa dipunyai oleh masa lalu. Manakala bagi ekopelancongan pula berasal dari perkataan Bahasa Inggeris, *ecotourism*, umumnya berkisar kepada pengembaraan alam sekitar yang bertujuan menikmati dan menghayati pengalaman alam semula jadi dan kebudayaan (Weaver, 2001). Ia seharusnya mempunyai impak yang rendah terhadap alam sekitar dan harus menyumbang kepada kesejahteraan penduduk tempatan.

Secara perinciannya ekopelancongan boleh diringkaskan kepada aktiviti-aktiviti yang membawa pelancong lebih dekat kepada alam semulajadi. Pelancong boleh mempelajari, melawat dan menemui sesuatu yang baru berasaskan alam semulajadi. Bagi agro-pelancongan pula ianya lebih tertumpu kepada pembangunan pelancongan desa di persekitaran komuniti tani. Secara tidak langsung, sektor agro-pelancongan dapat memberi peluang kepada isi rumah desa memperoleh pendapatan sampingan (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Justeru itu, dapat di simpulkan bahawa menerusi industri pelancongan ianya dapat membantu pembangunan sesebuah kawasan dan komuniti terutamanya kawasan luar dan pinggir bandar seperti peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi. Malahan pembangunan pelancongan meningkatkan kualiti

pembangunan fizikal setempat menerusi jaringan perhubungan dan kemudahan asas yang akan dipertingkatkan demi memenuhi syarat-syarat kawasan pelancongan yang baik.

### **Teori pemodenan ekologiikal: Pembangunan pelancongan**

Kajian ini menggunakan Teori Pemodenan Ekologiikal (TPE) untuk mengkaji penglibatan masyarakat dalam pembangunan industri pelancongan. TPE digunakan bagi mengkaji hubungkait antara peranan kerajaan, industri dan masyarakat dalam membentuk pembangunan pelancongan di Matu-Daro Sarawak. Kebanyakan ahli TPE menfokuskan kajian diperingkat negara–negara Eropah Barat. Menurut Mol dan Sonnenfeld (2000); Boons *et al.* (2000); Buttel (2000), kajian telah menghasilkan pemahaman terhadap kedinamisan dan mekanisma yang mengakibatkan penambahbaikan pengurusan dan prestasi alam sekitar (Er, 2009). Teori ini juga digunakan di negara sedang membangun seperti di Indonesia dan Thailand (Sonnenfeld, 2000), Vietnam (Frijus, Phung & Mol, 2000). Teori ini merupakan aliran keperpustakaan yang telah dibangunkan dan sedang membangun sejak 20 tahun yang lepas. Antara ahli sains sosial Eropah yang menyumbang di peringkat awal pembangunan dan ‘modernisasi’ TPE ialah Joseph Huber, Martin Janicue, Uda Simanis, Gert Spaargarden, Martin Hajer, Arthur Mol dan Albert Weale (Er, 2009).

Kebanyakan pengkaji membincangkan teori dalam sektor perindustrian. Setiap indikator dalam teori ini mempunyai peranan yang tersendiri dan menyumbang kepada pembangunan TPE. Namun bagi kajian ini, pengkaji hanya membincangkan peranan masyarakat sebagai salah satu penyumbang pembangunan TPE. Masyarakat terdiri daripada komuniti lokal itu sendiri. Menurut Tosun (2000); Er *et al.* (2009, 2010 & 2011), penglibatan komuniti adalah satu cara masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan sosio-ekonomi mereka sendiri. Komuniti lokal akan menerima limpahan daripada pembangunan terutamanya bagi kawasan pedalaman. Masyarakat juga terdiri daripada individu, NGO (badan–badan bukan kerajaan), persatuan-persatuan dan jawatankuasa kampung. Pembangunan pelancongan di sesebuah kawasan dapat membangunkan kawasan sekitarnya. Maka, masyarakat akan menerima limpahan daripada pembangunan seperti infrastruktur, kemudahan jaringan pengangkutan dan perkhidmatan bagi memenuhi tuntutan pelancongan. Masyarakat juga menawarkan bekalan sumber manusia bagi memenuhi keperluan dalam pembangunan pelancongan seperti pemandu pelancong kerana masyarakat setempat lebih memahami kawasan sekitaran mereka. Secara tidak langsung juga masyarakat dapat melibatkan diri menerusi aktiviti perniagaan seperti penjualan makanan, penawaran perkhidmatan kepada industri pelancongan seperti *homestay* dan pengangkutan. Justeru, pemilihan kajian ini melihat peranan masyarakat dalam TPE adalah bersesuaian dengan kajian potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak. Walaupun pengkaji hanya memilih untuk membincangkan peranan masyarakat dalam TPE namun indikator yang lain juga saling berhubungan dan memberikan sokongan antara satu sama lain bagi membentuk Teori Pemodenan Ekologiikal (TPE).

### **Kaedah kajian**

#### *Kawasan kajian*

Daerah Matu-Daro dipilih sebagai kawasan kajian kerana terdapatnya pelbagai keunikan di kawasan tersebut seperti Rumah Panjang Melanau yang tertua dan satu-satunya di dunia. Struktur geografi kawasan yang bertanah rendah dan jalan perhubungan menggunakan sistem air menyebabkan kawasan ini menarik untuk dikaji. Penggunaan bahasa pertuturan iaitu menggunakan Bahasa Melanau oleh komuniti lokal turut menambahkan keunikan kawasan ini.

Matu adalah sebuah daerah baru yang ke 28 diwujudkan di Sarawak. Ianya merangkumi kawasan daerah kecil Matu yang pada asalnya di bawah pentadbiran daerah Daro dan daerah kecil Igan. Luas kawasan Matu ialah 677.28 kilometer persegi. Daerah Matu dikelilingi oleh Batang Lassa dan Sungai Igan merupakan jalan utama pengangkutan untuk berhubung dengan bandar-bandar besar lain.

Kegiatan ekonomi penduduk daerah Matu merangkumi aktiviti pertanian, nelayan, pembalakan dan buruh. Terdapat juga penglibatan masyarakat di Matu dalam industri kecilan seperti kraftangan, memproses hasil laut dan membuat sagu.

Jadual 1. Keluasan kawasan serta bilangan penduduk di Majlis Daerah Matu dan Daro, tahun 2010

Daerah	Jumlah Penduduk	Keluasan (km <sup>2</sup> )
Matu	18,527	1,352.55
Daro	14,851	1,225.74
Belawai	2,602	730.53
Igan	4,201	247.50
Jumlah	40,181	3,556.32

Sumber: <http://www.matu-darodc.sarawak.gov.my>



Sumber: <http://www.matu-darodc.sarawak.gov.my>

Rajah 1. Peta Daerah Matu dan Daro, Sarawak

Daerah Daro terletak di tengah Negeri Sarawak. Dahulunya dikenali dengan Daerah Matu-Daro. Apabila daerah Matu diisytiharkan sebagai sebuah daerah pada 5 Mei 1991 maka wujudlah daerah Daro. Nama Daro mengambil sempena nama "Daruk" yang membawa maksud kawasan berair atau berpayau (<http://www.darodo.sarawak.gov>). Pemilihan daerah Matu dan Daro adalah kerana kedua-dua


daerah ini merupakan kawasan dibawah pentadbiran Majlis Daerah Matu dan Daro termasuklah daerah kecil Igan dan daerah kecil Belawai. Keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Matu dan Daro di dalam bahagian Mukah Sarawak merangkumi keluasan lebih kurang 3,556.32 km persegi (Jadual 1). Selain dari ditadbir oleh majlis daerah yang sama, Matu dan Daro juga yang saling berhubungan seperti dari segi pengangkutan yang perlu melalui Daro untuk sampai ke daerah Matu menggunakan pengangkutan air.

#### Teknik pengumpulan data

Data kajian diperolehi melalui pemungutan data sekunder, data primer dan maklumat dari agensi tempatan seperti pejabat daerah, agensi-agensi negeri dan kementerian pelancongan. Data primer diperolehi melalui borang kaji selidik. Borang kaji selidik diedarkan kepada seramai 150 orang komuniti lokal di Matu-Daro. Pemilihan sampel sebagai responden kajian bagi mewakili populasi yang dikaji adalah dilakukan secara rawak mudah (*convenient sampling approach*). Semua ahli di dalam populasi mempunyai keberangkalian untuk dipilih sebagai sampel. Terdapat beberapa peringkat umur responden dalam kajian ini iaitu seramai 70 orang responden berumur 17 tahun hingga 29 tahun, 17 orang responden berumur 30 tahun hingga 39 tahun dan 34 orang responden berumur 40 hingga 49 tahun. Selain itu, terdapat 21 orang responden berumur 50 hingga 59 tahun dan 8 orang responden berumur 60 tahun ke atas. Kepelbagaian peringkat umur responden mengukuhkan persepsi komuniti lokal kerana pada amnya pandangan komuniti lokal mengikut umur juga memainkan peranan penting kepada kajian.

### Potensi pelancongan Matu-Daro

Beberapa potensi pelancongan telah dikenalpasti di daerah Matu-Daro berdasarkan persepsi komuniti lokal sebagai responden kajian. Terdapat tiga jenis pelancongan di kawasan Matu-Daro iaitu pelancongan warisan dan kebudayaan, agropelancongan dan ekopelancongan (Rajah 2).



Rajah 2. Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak

### *Pelancongan warisan dan kebudayaan*

Daerah Matu-Daro berpotensi untuk dibangunkan menerusi industri pelancongan warisan dan kebudayaan iaitu mencatatkan sebanyak 54.61 peratus. Sebanyak 12.83 peratus responden bersetuju bahawa Rumah Panjang Melanau Islam mempunyai potensi sebagai kawasan pelancongan. Rumah panjang Melanau Islam ini merupakan rumah panjang yang tertua dan satu-satunya di dunia yang masih wujud. Warisan yang unggul ini perlu dipelihara kerana telah berusia 140 tahun dan merupakan satu-satunya rumah panjang bagi etnik Melanau (Rajah 3). Ianya boleh dijadikan tarikan bukan sahaja di peringkat negeri malahan boleh dipromosikan bagi tarikan pelancongan luar negara.



**Rajah 3.** *Rumah Panjang Melanau yang tertua*

Manakala bagi Pesta Kaul, sebanyak 11.89 peratus responden bersetuju bahawa pesta ini berpotensi menjadi tarikan pelancong di Matu-Daro. Pesta Kaul diadakan saban tahun berlangsung selama tiga hari dengan kepelbagaian aktiviti diadakan seperti sukan air, sukan padang, dan persembahan kebudayaan. Pesta ini merupakan aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan hubungan antara komuniti. Aktiviti seumpama ini boleh dimasukkan ke dalam tarikan pelancongan bagi daerah ini. Berdasarkan persepsi komuniti lokal, makanan juga merupakan potensi pelancongan di Matu-Daro iaitu sebanyak 10.51 peratus bersetuju dengan pendapat ini. Terdapat makanan yang hanya boleh didapati di kawasan ini sahaja iaitu sayur midin, umai dan sesar unjur. Selain itu, ikan terubuk juga boleh didapati di kawasan Matu-Daro dan boleh di komersilkan sebagai produk pelancongan.

Komuniti Matu-Daro menggunakan bahasa Melanau sebagai bahasa pengantaraan selain penggunaan bahasa Melayu. Majoriti komuniti adalah berbangsa Melanau. Bahasa ini juga menjadikan kawasan Matu-Daro unik dan sesuai dijadikan kawasan pelancongan. Sebanyak 10.16 peratus bersetuju bahawa bahasa Melanau mempunyai potensi dalam pelancongan. Para pelancong turut berpeluang mempelajari keunikan bahasa Melanau yang sangat menarik dialektanya dan digunakan secara meluas oleh komuniti lokal.

Makam Orang Kaya Segunim juga merupakan potensi pelancongan yang dikenalpasti oleh komuniti lokal Matu-Daro iaitu sebanyak 9.22 peratus responden bersetuju dengan pendapat ini. Makam Orang Kaya Segunim mempunyai sejarah misteri tersendiri yang dapat menggamit pelancong untuk melihat peninggalan sejarah itu. Malahan di kawasan Makam Orang Kaya Segunim juga mempunyai perigi penawar yang dipercayai airnya mempunyai khasiat untuk menyembuhkan segala penyakit (Rajah 4).



**Rajah 4.** Sekitar Makam orang kaya Segunim

### *Agro-pelancongan*

Agro-pelancongan juga merupakan jenis pelancongan yang terdapat dalam pelancongan negara. Pelancongan ini mencatatkan sebanyak 20.07 peratus sebagai potensi dalam pelancongan di Matu-Daro. Komuniti lokal bersetuju iaitu sebanyak 12.06 peratus bahawa pembuatan sagu di Kampung Tian berpotensi dijadikan produk agro-pelancongan. Penghasilan sagu dapat diketengahkan sebagai agropelancongan iaitu para pelancong dapat melihat kaedah penghasilan sagu secara tradisional dan para pelancong juga mungkin berpeluang untuk merasai sendiri proses membuat sagu (Rajah 5).

Penanaman padi secara tradisional juga merupakan potensi agro-pelancongan di kawasan ini (Rajah 6). Sebanyak 8.01 peratus responden berpendapat para pelancong dapat melihat proses penanaman padi yang masih dijalankan secara tradisional di kawasan ini. Kebanyakan kawasan di Malaysia pada masa kini menjalankan penanaman padi secara moden dan komersil. Maka, secara tidak langsung, pelancong tidak kira dalam dan luar negara dapat menghayati nilai estetika yang masih wujud di Matu-Daro.



**Rajah 5.** Proses penghasilan sagu secara tradisional

**Rajah 6.** Penanaman padi yang dijalankan secara tradisional

### *Ekopelancongan*

Potensi dalam ekopelancongan juga dikenalpasti di daerah Matu-Daro iaitu sebanyak 25.32 peratus. Kehijauan alam sekitar merupakan identiti kawasan Matu-Daro. Berdasarkan persepsi komuniti lokal, sebanyak 8.79 peratus mengatakan bahawa kehijauan alam sekitar mempunyai potensi untuk dimajukan dari aspek ekopelancongan (Rajah 7). Di samping itu, sebanyak 8.18 peratus responden

mengatakan bahawa sistem pengangkutan air berpotensi untuk dimajukan sebagai produk pelancongan. Hal ini berkait rapat dengan potensi sungai Rajang sebagai kawasan pelancongan iaitu sebanyak 8.35 peratus bersetuju dengan pendapat ini. Salah satu sistem pengangkutan di Matu-Daro adalah dengan menggunakan sistem pengangkutan air iaitu bot melalui menyusuri sungai Rajang (Rajah 8). Para pelancong dapat merasai pengalaman menaiki bot dari Sibu ke Daro selama hampir dua jam setengah dengan menikmati pelbagai pandangan alam seperti pokok bakau, buaya, aktiviti penangkapan ikan dan udang serta persekitaran alam semulajadi sepanjang perjalanan tersebut.



**Rajah 7.** Persekitaran bakau dan aktiviti menangkap udang oleh komuniti lokal



**Rajah 8.** Pengangkutan menggunakan bot ekspress menyusuri sungai Rajang

## Kesimpulan

Terdapat pelbagai potensi yang dikenalpasti di kawasan Matu Daro ini. Potensi – potensi ini boleh di kategori kepada tiga jenis pelancongan iaitu pelancongan warisan dan kebudayaan, agro-pelancongan dan ekopelancongan. Potensi dalam pelancongan warisan dan kebudayaan di Matu-Daro adalah Rumah Panjang Melanau, Makam Orang Kaya Segunim, Pesta Kaul, Makanan dan Bahasa. Bagi agro-pelancongan pula adalah penghasilan sagu di Kampung Tian dan penanaman padi secara tradisional. Manakala potensi dalam ekopelancongan di kawasan Matu-Daro adalah kehijauan alam sekitar, sungai Rajang dan sistem pengangkutan air. Dengan adanya tiga jenis pelancongan ini boleh menjadikan kawasan Matu-Daro sebagai kawasan pelancongan yang unik. Pengabungan jenis pelancongan ini menjadikan potensi Matu-Daro untuk diangkat sebagai satu destinasi pelancongan baru dalam negara adalah berketepatan dan menarik. Sokongan dan bantuan dari pihak yang berkepentingan adalah penting bagi membantu menjayakan hasrat komuniti lokal demi membangunkan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan yang setaraf dengan destinasi pelancongan negara yang lain. Menerusi pembangunan kawasan pelancongan di kawasan Matu-Daro secara tidak langsung membantu membangunkan ekonomi seperti pendapatan komuniti melalui penglibatan dalam bidang pelancongan. Malahan meningkatkan sosial dan fizikal komuniti melalui peningkatan infrastruktur dan kemudahan asas demi memenuhi tuntutan dalam pelancongan.

## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana menyediakan kemudahan untuk menjalankan penyelidikan ini dan geran penyelidikan UKM-HEJIM-KOMUNITI-22-2010, KOMUNITI-2011-017, GUP-2012-055 yang diketuai oleh Prof. Dr. Jumaat Adam serta Prof. Madya Dr Er Ah Choy dan UKM-DLP-2012-030 yang diketuai oleh PM Dr Er Ah Choy yang membiayai penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para penyelidik yang banyak membantu menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini.



## Rujukan

- Er AC, S Sivapalan S, Abd. Rahim MN, Toriman ME, Adam JH, A Buang A (2011) Ecotourism: Precepts and critical success factors. *World Applied Sciences Journal 13 (Sustainable Development Impact from the Socio-Environmental Perspectives)*, pp. 110-113.
- Er Ah Choy (2009) Prestasi alam sekitar rangkaian industri tekstil dan pakaian di Malaysia: Faktor dorongan daripada perspektif pemodenan ekologi. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space 5 (3)*, 44-56.
- Boons F, Baas L, Bouma JJ, Groene A de, Blansch KL (eds) (2000). *The changing nature of business: Institutionalisation of green organisational routines in the Netherlands 1986-1995*. Utrecht, The Netherlands.
- Buttel FH (2000) Ecological modernization as social theory. *Geoforum 31*, 57-65.
- Frijns J, Phung Thuy Phuong, Mol APJ (2000) Ecological modernization theory and industrializing economies: The case of Vietnam. *Environmental Politics 9 (1)*, 257-294.
- <http://www.matu-darodc.sarawak.gov.my>.
- [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0702&pub= Utusan\\_Malaysia\\_ &sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_22.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0702&pub=Utusan_Malaysia_&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_22.htm).
- [http://www.darodo.sarawak.gov.my/page.php?id=38&menu\\_id=0&sub\\_id=87](http://www.darodo.sarawak.gov.my/page.php?id=38&menu_id=0&sub_id=87).
- Jamaluddin Md Jahi (2009) Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management 10 (2)*, 71-88.
- Mol APJ, Sonnenfeld DA (2000) Ecological modernisation around the world: An introduction. In: Mol APJ, Sonnenfeld DA (eds) *Ecological modernization around the world: Perspective and critical debates*, pp. 3-16. Frank Cass, London, Portland.
- Mol PJ, David AS (2000) Ecological modernization around the world: An introduction. *Environmental Politics 9 (1) (Spring)*, 3-16.
- Sonnenfeld DA (2000) Contradictions of ecological modernisation: Pulp and paper manufacturing in South-East Asia. *Environmental Politics 9 (1)*, 235-256.
- Silberberg T (1995) Cultural tourism and business opportunity for museums and heritage sites. *Tourism Management 16 (5)*, 361-365.
- Tosun C (2000) Limit to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management 21*, 613-633.
- Unit Perancang Ekonomi (2006) *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. pp. 207-209.
- Wanda GE, Heather M, Donald GR (2009) *Rural tourism development: Localism and cultural change*. Channel View Publications.
- Weaver DB (2001) *The encyclopedia of ecotourism*. New York, CABI Publishin.
- Zeppel H, Hall C (1992) Arts and heritage tourism. In: Weiler B, Hall C (eds) *Special interest tourism*, pp.47-68. Belhaven, London.